

Mesyuarat Tiga Sayap Umno Bahagian Di Negeri Sembilan Berjalan Baik
Bernama
12 Oct, 2013

REMBAU, 12 Okt (Bernama) -- Mesyuarat perwakilan dan pemilihan Umno 2013 bagi Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Negeri Sembilan berjalan dengan baik, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Datuk Seri Mohamad Hasan.

Menteri Besar Negeri Sembilan itu berkata beliau berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat ketiga-tiga sayap Umno berkenaan kerana tidak ada banyak masalah yang timbul.

"Syukur semuanya berjalan dengan baik. Saya yakin proses pemilihan ini dapat dibuat dengan lancar dengan adanya pemantau dan juga petugas yang ditugaskan oleh jawatankuasa pemilihan.

"Bagaimanapun, ada beberapa perkara yang perlu diperbaiki," katanya kepada pemberita selepas meninjau perjalanan mesyuarat perwakilan dan pemilihan Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Rembau di Dewan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Chembong di sini.

Beliau mencadangkan kepada Jawatankuasa Pemantau dan Pemilihan supaya menyediakan tempat khas mengundi bagi jawatankuasa bahagian pada 19 Okt nanti untuk pemilihan Bahagian dan Majlis Teringgi Umno kerana ketika ini pusat mengundi disediakan untuk anggota perwakilan mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Wajar menyediakan tempat khas bagi jawatankuasa bahagian agar tidak berlaku masalah ketidakseimbangan pengundian, sekiranya berlaku ia boleh dikesan melalui kotak pengundian itu," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985206>